

Pembangunan Kampung Baru tak pinggir Melayu



Syor kuota 40 peratus kepada kaum lain tingkat nilai lokasi berusia lebih 100 tahun

Oleh Hanisah Selamat
nisa@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Hak pelaksanaan kawalan pemilikan Melayu di Kampung Baru tetap menjadi keutamaan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) walaupun kuota 40 peratus daripada kawasan seluas 151 hektar itu dicadangkan dibuka kepada kaum lain apabila dibangunkan kelak.

Menterinya, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin, berkata kuota 60:40 yang dipersejajui dalam Memorandum Jemaah Menteri bagi Pelan Pembangunan Kampung Baru itu sejajar matlamat memajukan lokasi berkenaan dengan mengundang pembabituan seluruh rakyat serta usahawan luar negara.

Beliau berkata, kepentingan orang Melayu tidak sesekali diketepikan malah kerajaan menyenaraikan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebagai calon pemaju utama untuk menerajui projek seteru-

rusnya mengendalikan operasi hartanah dengan mengaktifkan fungsi Amanah Harta.

“Kita perlu lebih rasional dalam memastikan pembangunan semula di perkampungan tradisi ini dapat membawa pulangan memberangsangkan dalam jangka panjang, sekali gus menguntungkan pemilik dan pewaris terutama jika mereka menjadi pemegang saham.

“Namun kita tidak boleh mengehendak potensi pembangunan dengan menghalang penyertaan golongan lain kerana lihat saja bangunan Mara sekarang, masalah kekurangan penyewa dan tiada pengunjung membuatkan ia lesu,” katanya pada majlis perjumpaan dengan pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru, di sini semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk M Saravanan; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Ahmad Phesal Ismail dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancang dan Pembangunan) kementerian berkenaan, Datuk Bakaruddin Othman.

Pertemuan bagi menda-

patkan maklum balas penduduk khususnya pemilik dan pewaris tanah perkampungan berusia lebih 110 tahun itu dihadiri kira-kira 1,000 orang termasuk wakil persatuan penduduk dan Ahli Lembaga Pentadbir Rizab Penempatan Pertanian Melayu (MAS).

Antara perkara yang diperjelaskan dalam pertemuan pertama antara KWPKB bersama penduduk adalah hak penduduk asal, kaedah pengambilan tanah, senarai calon pemaju di kalangan GLC serta lokasi pemindahan sementara.

Raja Nong Chik berkata, beberapa GLC lain termasuk Lembaga Tabung Haji juga sudah ditemui kementerian bagi membincangkan kerjasama merealisasikan projek yang sudah tertangguh sejak awal 90-an itu.

Mengulas nilai hartanah di kawasan berkenaan, beliau berkata, ia belum dapat diputuskan selagi isu penubuhan Terbadanan Kampung Baru di bawah Akta Parlimen diselesaikan selewat-lewatnya tahun ini kerana anggaran hanya dapat diberikan oleh pemaju

“Kita perlu lebih rasional dalam memastikan pembangunan semula di perkampungan tradisi ini dapat membawa pulangan memberangsangkan dalam jangka panjang, sekali gus menguntungkan pemilik dan pewaris terutama jika mereka menjadi pemegang saham”

Raja Nong Chik Zainal Abidin
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar

berdasarkan nilai pasaran selepas ia dibangunkan.

“Dengan lokasi di tengah segi tiga emas, kita jangka ia akan dihuni 67,000 penduduk dan 17,000 unit kediaman. Hasil pengiraan berasaskan keluasan tanah dan banciaan, ada 889 lot di kampung ini dengan jumlah pemilik 4,300 orang, tetapi 83 peratus hanya mewarisi lot kurang 1,000 meter persegi,” katanya.